

## MODEL PEMULIHAN DISLEKSIA DAVIS DALAM PEMBELAJARAN KANAK-KANAK DISLEKSIA

Sharifah Nawirah binti Syed Hassan  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: naweeya1112@gmail.com

### ABSTRAK

Kertas konsep ini meninjau keberkesanan aplikasi Model Pemulihan Disleksia Davis (Davis Dyslexia Correction Model) dalam pembelajaran kanak-kanak disleksia. Ia merupakan model pengajaran alternatif yang mengetengahkan tiga prosedur utama yang membantu kanak-kanak disleksia dalam aktiviti membaca dan mengeja. Pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran melalui sesi kaunseling orientasi (orientation counseling), penguasaan simbol (symbol mastery), dan latihan membaca (reading exercises) dalam program ini memberi kesan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dan mengeja kanak-kanak disleksia. Kajian-kajian lampau mendapati bahawa aktiviti yang dijalankan melalui Model Pemulihan Disleksia Davis ini lebih berfokus dan berjaya membantu meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak disleksia. Melalui aktiviti yang lebih berfokus yang diperkenalkan dalam program ini juga, kanak-kanak dapat menguasai kemahiran membaca dan mengeja dan lebih bersedia untuk berinteraksi dengan persekitaran di sekelilingnya.

Kata kunci: Disleksia, Model Pemulihan Disleksia Davis (Davis Dyslexia Correction Model)

### Pengenalan

Penilaian hipotesis dalam penyelidikan lepas mencadangkan bahawa disleksia berpunca daripada kesukaran dalam memproses bunyi perkataan (Vellutino, Fletcher, Snowling dan Scanlon, 2004). Dalam usaha untuk menyelesaikan masalah ini, banyak kaedah telah dibangunkan dan dilaksanakan. Kanak-kanak di ajar membunyikan huruf-huruf tunggal dan kemudiannya menggabungkan huruf-huruf tersebut membentuk perkataan dan ayat untuk dibaca, menggunakan pendekatan visual-auditori-kinestetik-sentuhan, yang juga disebut sebagai pendekatan pelbagai deria (multisensory).

Kebanyakan kaedah untuk mengajar kanak-kanak disleksia menggunakan pendekatan tradisional seperti yang diperkenalkan oleh Orton-Gillingham (Stahl, 2002). Kaedah Orton-Gillingham (Henry, 1998) mengengahkan pengajaran pelbagai deria (multisensory), berstruktur, dan eksplisit untuk membantu kanak-kanak disleksia dalam menguasai ejaan dan bacaan. Grace Fernald (1943, 1988) juga memperkenalkan kaedah pelbagai deria (multisensory) yang dikenali sebagai Kaedah Multisensori Fernald, yang memerlukan keseimbangan dari segi deria penglihatan, pendengaran, dan sentuhan. Kaedah ini digunakan secara meluas dalam organisasi pemulihan kanak-kanak bermasalah pembelajaran dan menggunakan alat bantuan pengajaran yang banyak (Naderi and Saif Naraghi, 1986).

Breznitz (1997) telah memperkembangkan satu kaedah bagi menggalakkan dan meningkatkan peranan membaca untuk menghasilkan ingatan yang lebih baik untuk kanak-kanak di peringkat rendah. Kedua-dua teknik ini menggunakan kaedah fonologi yang diperkenalkan dalam kaedah Siegal dan Vanderwelden (1997). Kajian ini direka untuk intervensi awal kanak-kanak disleksia bagi mengurangkan masalah mereka apabila mereka dewasa kelak.

Namun, penggunaan kaedah tradisional ini tidak mampu menyelesaikan permasalahan kanak-kanak disleksia sepenuhnya, kerana ia tidak mampu menerangkan simptom-simptom tertentu yang membolehkan seorang kanak-kanak dikategorikan sebagai disleksia. Simptom-simptom tersebut termasuklah kebalikan huruf, masalah membezakan huruf, masalah membezakan huruf atau perkataan yang dialihkan atau dihilangkan, dan perkataan yang bercampur-aduk dan disusun semula dalam pelbagai urutan (Lee Lay Wah, 2010). Kes kanak-kanak disleksia yang dilaporkan di Malaysia menunjukkan tanda-tanda tersebut. Kanak-kanak ini mempunyai masalah untuk membezakan huruf seperti 'b' dan 'd', huruf 'j' dan 'g', serta masalah kebalikan huruf-huruf tersebut. Simptom-simptom ini tidak boleh diabaikan kerana ia jelas menghalang proses pengenalan perkataan yang mempengaruhi proses kanak-kanak membaca secara keseluruhannya.

Di Malaysia, program pemulihan khas disediakan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah atau kesukaran pembelajaran dalam menguasai sesuatu kemahiran. Program ini dikendalikan oleh guru pemulihan khas yang berkemahiran (Jamilah Ahmad, 1999). Bagi program pemulihan khas, matapelajaran akademik yang diberitakn cuma Bahasa Melayu dan Matematik sahaja. Murid pemulihan di ambil keluar dari kelas biasa dari semasa ke semasa untuk sesuatu aktiviti pemulihan dalam kelas pemulihan dan selepas itu dikembalikan ke kelas asal mereka (Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon, 1992). Kelemahan program pemulihan ini ialah ianya hanya untuk murid-murid sekolah rendah. Murid-murid yang menghadapi masalah ini akan semakin ketinggalan dalam pembelajaran apabila mereka melangkah ke sekolah menengah.

Terdapat beberapa sekolah yang telah menjalankan pra-rintis program disleksia di negara ini. Kanak-kanak disleksia ini akan mengikuti subjek-subjek utama seperti Bahasa Melayu, Sains dan Matematik di kelas disleksia dan subjek-subjek lain di kelas

perdana. Kekurangan kelas disleksia di Malaysia menyebabkan ramai kanak-kanak disleksia yang ketinggalan dan lemah dalam kemahiran menulis dan membaca.

Wujudnya kaedah alternatif seperti Model Pemulihan Disleksia Davis yang diperkenalkan oleh Ronald Davis (1982) membuka lembaran baru dalam dunia pendidikan kanak-kanak disleksia. Kajian ini meninjau keberkesanan aplikasi Model Pemulihan Disleksia Davis (Davis Dyslexia Correction Model) dalam pembelajaran kanak-kanak disleksia.

### **Model Pemulihan Disleksia Davis (Davis Dyslexia Correction Model)**

Model Pemulihan Disleksia Davis telah diperkenalkan pada tahun 1982, oleh seorang jurutera dan pengukir, Ronald Davis, yang menemukan dirinya sebagai seorang dewasa yang mengalami masalah disleksia. Beliau bersama rakan-rakannya telah membuat kajian dan mendapati bahawa masalah disleksia yang dihadapinya tidak boleh dikategorikan sebagai disleksia sepenuhnya. Hal ini kerana dalam penentuan seseorang itu adalah disleksia, perlu melihat tiga perkara utama, iaitu cara pemikiran (gambaran fikiran), kebolehan semula jadi untuk menjadi keliru (persepsi bakat), dan cara yang spesifik untuk bertindak balas terhadap kekeliruan yang dihadapi. Ketiga-tiga perkara tersebut menjadi asas kepada semua simptom disleksia.

Ron Davis (2010) menyifatkan disleksia sebagai ibu kepada masalah pembelajaran. Setiap kes disleksia adalah unik kerana ia dihasilkan oleh gabungan sesuatu bakat atau kecenderungan, dan juga daripada pengaruh alam sekitar dan kegagalan dalam pengalaman pembelajaran. Oleh yang demikian, tidak ada dua kes disleksia yang disebabkan oleh simptom yang sama.

Menurut Davis, orang yang mengalami masalah disleksia, berfikir secara semula jadi melalui imej mental atau deria, dan bukannya melalui perkataan atau ayat. Mereka lebih cenderung untuk menggunakan logik dan penaakulan secara meluas, serta mampu menyusun strategi dengan baik dan memiliki kreativiti yang tinggi. Namun, keupayaan ini membawa kepada masalah kekeliruan persepsi, iaitu satu keadaan di mana seseorang tidak dapat menakrif dengan tepat tentang persekitarannya. Sebagai contoh, apabila seorang kanak-kanak melihat perkataan yang tidak boleh digambarkan, gambaran kosong akan terhasil dalam proses pemikiran, dan mencetuskan kekeliruan. Perkataan tersebut dipanggil perkataan pencetus.

Semakin banyak gambaran kosong terkumpul, semakin tinggi kekeliruan yang dirasai hingga ke suatu tahap di mana mereka tidak boleh bertolak ansur dengan kekeliruan tersebut. Pada ketika ini, kekeliruan dirangsang dan persepsi mula terpesong, menyebabkan wujudnya simptom-simptom seperti kebalikan, penggantian, ketinggalan, dan perkataan mula beralih atau hilang. Selain daripada gangguan visual, kekeliruan ini turut memberi kesan negatif lain seperti gangguan audio atau gangguan dari segi keseimbangan, pergerakan, dan masa (Ron Davis, 2010).

### **Teori Disleksia Menurut Davis**

Manusia berfikir dalam dua cara, iaitu melalui mod lisan (verbal) dan mod bergambar (visual). Kebanyakan orang akan berfikir menggunakan kedua-dua mod, namun setiap individu pasti akan cenderung untuk menggunakan satu cara lebih daripada satu cara yang lain. Pemikiran secara verbal melibatkan aktiviti berfikir dengan bunyi perkataan, mengikut struktur bahasa, dan mampu membaca, menulis, mendengar atau bertutur dengan baik. Manakala, pemikiran secara visual melibatkan aktiviti berfikir dengan gambar konsep atau idea, menggemari aktiviti melibatkan multisensori, imaginasi tinggi, serta mempunyai kemahiran mencipta dan seni yang tinggi. Bagi orang yang menghadapi masalah disleksia, pemikiran secara visual merupakan cara pemikiran utama mereka.

Pemikir visual seperti pembaca disleksia berfikir melalui imej mental atau imej sensori. Mereka akan menggabungkan sesuatu perkataan yang disebut dengan gambar di otak untuk mencapai kefahaman. Namun, ketika membaca, mereka akan bertemu dengan perkataan tanpa gambar, seperti 'dan'. Apabila situasi ini berlaku, urutan kefahaman berasaskan gambar hilang dan menimbulkan kekeliruan. Mereka akan cuba mengubah persepsi untuk cuba memahami apa yang dibaca atau didengar. Antara kesilapan yang biasanya berlaku ialah seperti tertinggal huruf atau perkataan, mengubah susunan huruf atau nombor, meninggalkan baris bacaan, berhenti membaca, tidak mampu untuk menulis, aktiviti membaca, mengeja dan menulis menjadi perlahan, mereka cenderung untuk meneka perkataan atau ejaan, dan mengabaikan simbol matematik.

Melalui kesilapan yang dilakukan, aktiviti membaca, mengeja dan menulis menjadi semakin sukar. Pada tahap ini, pembaca disleksia akan menunjukkan reaksi emosional seperti kecewa, esteem sendiri yang rendah, dan mengambil jalan penyelesaian seperti memberikan konsentrasi yang melampau, menghafal sesuatu bacaan berbanding memahami makna bacaan tersebut, mengulang bacaan berkali-kali, mengelak tugas membaca, mengeja dan menulis, dan meminta bantuan orang lain untuk membaca atau menulis.

Berdasarkan ciri-ciri yang telah diberikan di atas, adalah diharapkan ibu bapa mahupun guru dapat mengenal pasti kanak-kanak yang berkemungkinan menghadapi masalah disleksia. Walau bagaimanapun, pengenalan pasti ciri-ciri ini perlulah melalui ujian-ujian yang diperakui kesahan dan kebolehpercayaannya.

### **Aplikasi Prosedur Dalam Model Pemulihan Disleksia Davis**

Kajian-kajian tentang keberkesanan aplikasi Model Pemulihan Disleksia Davis (Davis Dyslexia Correction Model) yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara menunjukkan bahawa mereka telah memilih kaedah ini untuk membetulkan dan meningkatkan kemahiran akademik dan prestasi kanak-kanak dan dewasa yang mengalami disleksia (Shayan, 2011). Tiga

prosedur utama yang diketengahkan dalam model ini, iaitu Prosedur Kaunseling Orientasi (Orientation Counseling), Prosedur Penguasaan Simbol (Symbol Mastery), dan Prosedur Latihan Membaca (Reading Exercises).

Model pemulihan yang diperkenalkan oleh Davis melibatkan proses mengenal persepsi bakat semula jadi tersebut dan bagaimana keupayaan persepsi ini boleh menyebabkan berlakunya kekeliruan dan kesilapan, seterusnya mengawal orientasi mental. Prosedur ini dikenali sebagai Kaunseling Orientasi (orientation counselling). Prosedur ini melibatkan sesi mengajar kanak-kanak disleksia tentang teknik untuk menghilangkan kekeliruan. Kanak-kanak tersebut akan mewujudkan satu titik orientasi yang membolehkannya memahami persekitaran fizikal tanpa pesongan persepsi. Jika kanak-kanak disleksia boleh mengenalpasti kekeliruan yang dihadapinya dan membentuk satu keadaan orientasi dengan sendirinya, kekeliruan dan simptom-simptom disleksia yang dihadapi akan hilang (Ron Davis, 2010).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Lee Lay Wah (2010) *The Davis Model of Dyslexia Intervention: Lessons from one child*, pengkaji telah menjalankan kajian keatas seorang kanak-kanak perempuan berumur 9 tahun yang menunjukkan ciri-ciri disleksia. Melalui prosedur Kaunseling Orientasi, kanak-kanak ini diminta untuk menerangkan kejadian pada hari sebelum dan apa yang dilakukan kanak-kanak tersebut. Tujuannya adalah untuk membina gambaran mental berkenaan kejadian di hari sebelum. Prosedur ini digunakan untuk membantu kanak-kanak tersebut menghilangkan kekeliruan dan membetulkan persepsi dengan lebih tepat.

Selain daripada Kaunseling Orientasi, satu lagi alat utama dalam model Davis ini ialah prosedur Penguasaan Simbol. Menurut Davis, kaedah pengajaran tradisional tidak sesuai untuk proses pemikiran seorang disleksia. Kaedah pengajaran untuk kanak-kanak disleksia perlu mengambil kira keperluan mereka untuk membentuk imej mental yang boleh digunakan untuk berfikir dan mengaitkannya dengan visual dan bunyi perkataan.

Lee Lay Wah (2010) menyatakan, dalam pelaksanaan prosedur Penguasaan Simbol, kanak-kanak dilatih untuk mengenal huruf. Di antara kaedah yang digunakan adalah menggunakan tanah liat untuk membina huruf. Menurut Davis, kanak-kanak disleksia hanya akan mengenal huruf yang dicipta oleh mereka. Penggunaan tanah liat membantu kanak-kanak ini untuk mengenal huruf dengan baik. Selepas itu kanak-kanak tersebut akan dilatih dengan latihan membaca. Ini akan melatih mata kanak-kanak tersebut untuk bergerak dengan betul dari kiri ke kanan dan mengenal huruf-huruf sebagai perkataan. Ini membantu kanak-kanak tersebut menghapuskan amalan melangkau barisan perkataan sewaktu membaca. Model Pemulihan Disleksia Davis berfokus kepada kekuatan seseorang individu yang mengalami disleksia untuk berfikir secara holistik melalui gambar dan kepelbagaian persepektif visual.

Patricia (2011) melalui kajiannya *Effects of the Clay Modeling Program on the Reading Behavior of Children with Dyslexia: A Malaysian Case Study* mendapati bahawa Program Pemodelan Tanah Liat mempunyai kesan positif ke atas tingkah laku bacaan disleksia kanak-kanak. Peserta kajian beliau dapat membaca teks dengan lancar, dapat mengeja perkataan dengan betul, dan dapat memberi lebih perhatian di dalam kelas. Peserta kajian juga tidak begitu pasif seperti sebelumnya dan lebih responsif terhadap guru mereka. Kaedah ini memberi kesan kepada peningkatan keyakinan diri, keberanian untuk membaca di hadapan kelas, dan meningkatkan minat dan kesediaan murid untuk belajar.

Proses kreativiti merupakan satu lagi unsur yang diperlukan dalam prosedur ini. Kanak-kanak disleksia perlu dibenarkan untuk mencipta imej mental peribadi untuk memaknakan perkataan pencetus. Prinsip ini selari dengan prinsip konstruktivisme. Untuk membolehkan kanak-kanak memahami apa yang dipelajari dengan lebih bermakna, kanak-kanak itu perlu mampu untuk membentuk tafsiran konsep mereka sendiri. Melalui Penguasaan Simbol, kanak-kanak akan menguasai huruf, tanda baca, dan perkataan asas dengan menggunakan model tanah liat (Ron Davis, 2010).

Dalam kajian yang lain, Lovell et. al. (2001) menilai tiga kajian yang dijalankan berkaitan disleksia. Hasil penilaian ini menunjukkan bahawa Model Pemulihan Disleksia Davis ini mensasarkan kumpulan yang bermasalah dari segi kognitif, pengamatan dan perhatian, serta masalah membaca. Melalui penilaian tersebut, program ini dikatakan sesuai untuk kanak-kanak berusia lapan tahun ke atas, dan kemajuan dalam perkembangan mereka bergantung kepada umur individu tersebut. Semakin tinggi usia individu disleksia itu, semakin cepat kemajuan yang ditunjukkan.

Kajian yang dilakukan oleh Sharon Pfeiffer (2001) yang dijalankan ke atas 86 orang murid-murid dari 2 buah sekolah rendah di San Francisco menunjukkan murid-murid yang menggunakan Model Pemulihan Disleksia Davis menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam mengenal huruf dengan lebih tepat dan mengalami keseronokan dalam pembelajaran. Apabila mereka berada di gred tiga mereka tidak ketinggalan jauh dan dapat belajar seperti rakan-rakan yang lain. Motivasi sendiri kanak-kanak ini juga meningkat kerana minat untuk belajar bertambah dan berupaya untuk mengambil risiko melakukan kerja-kerja dalam proses pembelajaran.

Kesan terhadap penggunaan kaedah pemulihan disleksia Davis juga telah dapat meningkatkan kemahiran membaca kepada kanak-kanak disleksia. Menurut kajian yang dijalankan oleh Hayedeh Feizipoor (2005) *The effectiveness of Davis dyslexia correction method re-examine in Iran*, ke atas empat orang kanak-kanak dyslexia di Iran telah menunjukkan bahawa kumpulan yang menggunakan kaedah kaunseling orientasi dan penguasaan simbol telah dapat meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak disleksia berbanding dengan kanak-kanak yang tidak menggunakan kaedah ini.

Prosedur ketiga yang digunakan dalam Model Pemulihan Disleksia Davis ialah prosedur Latihan Membaca. Terdapat tiga teknik yang terlibat, iaitu Spell-Reading, Sweep-Sweep-Reading, dan Picture-at-Punctuation. Kanak-kanak disleksia kebiasaannya ingin cepat dapat atau terlalu memberi tumpuan pada bahan bacaan. Kedua-dua prosedur, Spell-Reading dan Sweep-Sweep-Reading,

bertujuan membantu kanak-kanak disleksia untuk mengatasi tabiat ini. Sementara itu, Picture-at-Punctuation merupakan satu strategi pemahaman teks (Ron Davis, 2010).

Kajian Impact of Davis Dyslexia Correction Method on the Adult Dyslexics' Reading Skills di Iran oleh Shayan (2011) menyatakan bahawa kaedah Davis memberi tumpuan kepada kekuatan kumpulan bermasalah disleksia dan menggunakannya dalam program intervensi linguistik. Di samping itu, nilai kreativiti menggunakan strategi pengajaran secara visual dan berpusatkan murid adalah lebih efektif.

Hellendoorn (2000), Lichtman (2001) dan Dedyana (2001) menyatakan bahawa, terdapat peningkatan dalam prestasi membaca apabila melaksanakan kaedah ini terhadap kumpulan dewasa disleksia. Kajian yang dilakukan oleh Stainsby (2003) menunjukkan bahawa kumpulan dewasa yang mengalami kecaciran dalam akademik dan sekolah, berjaya mengatasi masalah membaca mereka menggunakan Model Pemulihan Disleksia Davis.

### Implikasi Kajian

Secara umumnya, hasil kajian ini dapat memberikan manfaat kepada ibu bapa dan pendidik kumpulan bermasalah disleksia dan juga kumpulan bermasalah pembelajaran di Malaysia khususnya, dan di dunia amnya. Melalui kajian-kajian yang telah dijalankan di serata dunia, Model Pemulihan Disleksia Davis ini didapati memberi kesan yang positif dalam membentuk kemahiran membaca dan mengeja bagi kanak-kanak yang bermasalah disleksia. Hal ini kerana fokus yang diberikan terhadap kekuatan seseorang individu itu untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memperjelaskan satu lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran alternatif yang kreatif untuk diaplikasikan dalam bilik darjah, terutamanya bagi kanak-kanak bermasalah disleksia. Dapatan daripada kajian tinjauan ini boleh memberikan idea dan menggalakkan pendidik untuk melakukan perubahan dalam pedagogi dan strategi pengajaran mereka, demi membantu melahirkan lebih ramai golongan celik huruf.

### Kesimpulan

Disleksia adalah salah kategori di bawah masalah pembelajaran. Ciri-ciri disleksia pada setiap murid adalah berbeza bergantung pada tahap keterukan yang dialami. Namun begitu setiap keterukan yang dialami boleh diatasi sekiranya menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai yang dapat membantu perkembangan mereka secara keseluruhan. Model Pemulihan Disleksia Davis ini dilihat sebagai salah satu pendekatan yang mampu mengurangkan setiap keterukan yang dialami. Pendekatan yang menengahkan tiga prosedur utama ini dilihat mampu meningkatkan pencapaian kanak-kanak disleksia walaupun mempunyai latar belakang pembelajaran yang berbeza.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak termasuklah ibu bapa, guru dan sesiapa sahaja yang terlibat dengan kanak-kanak disleksia ini. Justeru, Kementerian Pelajaran perlu menghebah dan memberi pendedahan kepada masyarakat umum tentang masalah disleksia. Selain itu, kursus dan latihan yang sesuai juga boleh diadakan kepada guru-guru tentang bagaimana untuk memilih dan melaksanakan pengajaran yang baik dan sesuai kepada kanak-kanak disleksia.

### Rujukan

- Davis, Ronald Dell, with Eldon Braun. *The Gift of Dyslexia: Why Some of the Smartest People Can't Read and How They Can Learn*. (Perigee, 2010).
- Dedyana, D. (2001) *Deciphering Dyslexia*. New York Post.
- Hayedeh Feizipoor & Dr. Mahnaaz Akhavan Tafti. 2005. *The Effectiveness of Davis Dyslexia Correction Method Re-Examined in Iran*. *New Thoughts on Education*. Alzahara University, Iran, Vol. 1, No. 1 Spring, 2005
- Hellendoorn, J., Ruijssenaars, W. (2000). *Personal experiences and adjustment of Dutch adults with dyslexia*. *Remedial Special Education*, 21, 4, 1-17.
- Karey Hope (2011). *Types of Dyslexia*. <http://www.dyslexiavictoriaonline.com/tyofdy.html>
- Lee Lay Wah. 2010. *The Davis Model of Dyslexia Intervention: Lessons from One Child*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 18 (1): 133 - 139 (2010) Penang : Fakulti Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Lichtman, Gail. (2001). *The Gift of Davis*. *Jerasalem Post*, [www.dyslexia.com/articles/jpost/article.htm](http://www.dyslexia.com/articles/jpost/article.htm)
- Lovell, K., Gray, E.A., Oliver, D.E. (2001). *A further study of some cognitive and other disabilities in backward readers of average non-verbal reasoning scores*. *British Journal of Educational Psychology*, 275-279.
- Mohd Anuar Abdullah. 2004. *Disleksia: Kepentingan Kesedaran Masyarakat Umum*. *Prosiding Pendidikan Khas (Jil2) Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Mohd Zaid Omar. 2004. *Masalah Disleksia di Sekolah*. *Prosiding Pendidikan Khas (Jil.2)*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Musa Abdul Wahab. 2004. *Ciri-ciri Disleksia di Kalangan Murid Pemulihan*. *Prosiding Pendidikan Khas (Jil.1) Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Patrishia@Patricia Philip Ambrose & Loh Sau Cheong. 2011. *Effect of the Clay Modelling Program on the Reading Behaviour of Children with Dyslexia: A Malaysian Case Study*. *University Malaya*.
- Rene Jeane Engelbrecht. 2005. *The effect of the Ron Davis programme on the reading ability and psychological functioning of*

children. Stellenbosch University.

- Rohaty Mohd Majzub & Shafie Moh Nor. 2005. Simptom Disleksia Kanak-kanak Prasekolah. Jurnal Pendidikan 30 (hal. 3-19) Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharon Pfeiffer et. al. 2001. The Effect Of Davis Learning Strategies on First Grade Word Recognition and Subsequent Special Education Referrals. Reading Improvement, Vol 38. No 2.
- Shayan et. al. (2011). Impact of Davis Dyslexia Correction Method on the Adult Dyslexics' Reading Skills. Journal of Educational Psychology Studies.7(12):23-46. University Of Sistan And Balouchestan, Zahedan, Iran.
- Stainsby, M. (2003). The Davis Method claims a high rate of success in teaching dyslexics to read. Southam Newspapers; Vancouver Sun. [www.dyslexia.com/articles/living\\_with\\_dyslexia.html](http://www.dyslexia.com/articles/living_with_dyslexia.html)
- Van Staden, A., Tolmie, A. & Badenhorst, M. 2009. Enhancing intermediate dyslexic learners' literacy skills: a Free State community project. Africa Education Review, 6(2), 295-307